

**PERANAN GURU DALAM PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
MENURUT PERSPEKTIF AL-GHAZALI**

**THE ROLE OF TEACHERS IN THE IMPLEMENTATION OF E-LEARNING IN
ISLAMIC EDUCATION ACCORDING TO AL-GHAZALI'S PERSPECTIVE**

Nur Eliza Mohd Noor

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

nr.elisa1987@gmail.com

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Yusmini Md. Yusoff

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Submission Date: 8th September 2021

Acceptance Date: 30th November 2021

Abstrak: Dalam era globalisasi sekarang, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar. Karisma seorang guru sememangnya mampu memberikan impak yang besar kepada pembangunan integriti anak didiknya. Peranan guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan ilmu melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam perlu diperhalusi kerana medium penyampaian ilmu pada masa ini yang berbeza berbanding sebelum ini. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi subjek Pendidikan Islam memberikan impak dan cabaran kepada murid serta guru terutama dari aspek pembinaan sahsiah. Analisis terhadap kajian lepas menunjukkan medium e-pembelajaran menyebabkan guru hanya bertindak menyampaikan maklumat sahaja. Sedangkan dalam Islam guru bukan hanya sekadar memindahkan pengetahuan sahaja kepada murid bahkan bertindak sebagai *Murabbi*, *Mu'allim*, *Muaddib*, *Mudarris* dan *Mursyid*. Tujuan sorotan literatur ini dibuat adalah bagi mendeskripsi kerelevanannya teori al-Ghazali dalam mengkaji peranan guru melalui pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam. Artikel ini dilakukan melalui kajian kepustakaan. Menurut al-Ghazali guru perlu menganggap anak murid sebagai anaknya sendiri dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Justeru itu, guru perlu memainkan peranan sebagai *muaddib* bukan sekadar bertindak menyampaikan atau memindahkan pengetahuan sahaja kepada murid melalui medium e-pembelajaran Pendidikan Islam selain ibu bapa yang juga memainkan peranan mencorakkan anak-anak.

Kata Kunci: Peranan Guru, e-Pembelajaran, Pendidikan Islam, al-Ghazali.

Abstract: In the current era of globalization, the role of teachers is becoming increasingly complex and challenging. The charisma of a teacher is resulting to a great impact towards the development of the integrity of his students. The role of Islamic Education teachers in imparting knowledge through Islamic Education e-learning needs to be refined as the medium of knowledge delivery at this time is different than before. The implementation of online teaching and learning for the subject of Islamic Education provides impact and challenges to students and teachers, especially from the aspect of character building. Analysis of previous studies shows that the e-learning medium causes teachers to only act as the sender of information. Whereas in Islam, teachers do not just transfer knowledge to students but also act as *Murabbi*, *Mu'allim*, *Muaddib*, *Mudarris* and *Mursyid*. The purpose of this literature review is to describe the relevance of al-Ghazali's theory in studying the role of teachers through the implementation of Islamic Education e-learning. This article was conducted through a literature review. According to al-Ghazali, teachers need to consider students as their own children in imparting knowledge. Hence the teachers need to play a role as *muaddib*, not just act as a conveyer or merely transfer knowledge to students through the medium of e-learning of Islamic Education as well as parents in shaping the children's character and personality as well.

Keywords: Teacher's Role, e-Learning, Islamic Education, al-Ghazali.

Pengenalan

Pendidikan Islam merupakan salah satu subjek yang mesti diambil oleh semua pelajar Islam yang ditetapkan oleh sistem pendidikan di Malaysia bertujuan sebagai platform yang penting dalam melahirkan individu yang seimbang dan bersepada dari sudut jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Menurut al-Ghazali, Pendidikan Islam merupakan satu ilmu yang berupaya membentuk insan dan membawa manusia untuk *taqarrub* kepada Allah SWT (Mahadhir, 2019). Proses pendidikan berlaku sepanjang masa dan ia bukan sahaja berlaku di sekolah malah proses pendidikan itu boleh bermula daripada rumah. Di rumah, proses pendidikan boleh berlaku melalui contoh teladan yang ditunjukkan oleh ibu bapa dan membiasakan anak melakukan perkara yang baik begitu juga di sekolah peranan yang sama perlu ditunjukkan oleh guru.

Walau bagaimanapun, peranan guru semakin berubah lantaran perkembangan semasa dan teknologi yang semakin rancak diperkenalkan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada hari ini. Sistem pendidikan pada hari ini telah mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan terutama dalam menjayakan pembelajaran abad ke-21 di samping meningkatkan kesedaran guru tentang aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran seiring dengan perkembangan teknologi dalam sistem pendidikan negara. Walaupun kaedah pendidikan sering berubah akibat perkembangan arus teknologi yang semakin rancak berlaku, namun falsafah pendidikan masih tetap sama iaitu melahirkan insan yang seimbang duniaawi dan ukhrawi. Tambahan pula pada masa kini, bagi merealisasikan revolusi industri 4.0 dalam usaha memperkembangkan teknologi dalam pendidikan, Pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam mengaplikasi serta menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Malah revolusi industri 4.0 juga menuntut semua profesion untuk menggunakan kemajuan teknologi digital, elektronik, yang berasaskan internet termasuk Pendidikan Islam (Assegaf, 2020).

Di kala situasi pandemik Covid-19 melanda negara, pembelajaran dalam talian menjadi alternatif yang berkesan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (Herliandry *et al.*, 2020). Akibat daripada pandemik ini juga, kaedah pendidikan berubah serta-merta daripada secara bersemuka kepada e-pembelajaran atau pembelajaran dalam talian. Secara umumnya kaedah pembelajaran elektronik atau e-pembelajaran adalah cara baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang memanfaatkan teknologi komputer, jaringan komputer atau internet (Nur Asiah, 2016). Justeru, guru dituntut agar sentiasa memikirkan cara yang lebih kreatif bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam konteks pendidikan secara dalam talian yang tidak berlaku secara fizikal dan bersemuka. Hal ini bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui medium e-pembelajaran dapat dipertingkatkan melalui pengaplikasian teknologi di samping penggunaan internet (Elyas, 2018; The & Usagawa, 2018).

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran melalui e-pembelajaran, guru dan murid sepatutnya berinteraksi secara maksimum dan murid sepatutnya diberi bimbingan secara intensif bagi mendapatkan kefahaman yang baik terutama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Zazin *et al.*, 2019; Hartanto, 2016). Sebaliknya realiti yang berlaku adalah dengan pelaksanaan e-pembelajaran ini menyebabkan berlakunya kekangan dari aspek pembinaan sahsiah atau akhlak murid yang lazimnya perlu disampaikan secara bersemuka melalui subjek Pendidikan Islam. Selain itu, timbul juga isu guru sekadar bertindak memindahkan pengetahuan sahaja dan bukan lagi sebagai sumber utama untuk murid mendapatkan pengetahuan (Syahfitri *et al.*, 2020; Ramdani & Fakruhuddin, 2018; Asiah, 2016). Elemen akhlak dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bukan sekadar untuk disampaikan kepada murid bahkan ia harus dinilai dan dipastikan kemenjadian murid tersebut. Pelaksanaan e-pembelajaran perlu dikaji semula sekiranya isu seperti ini masih tidak dapat diselesaikan agar matlamat e-pembelajaran dapat dicapai kerana keberkesanannya dipengaruhi oleh interaksi yang maksimum antara guru dan murid. Masih

banyak aspek yang perlu diteliti agar setiap perubahan itu seiring dengan kehendak Islam terutama kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang menggunakan medium e-pembelajaran.

Pelaksanaan e-Pembelajaran Pendidikan Islam

Konsep e-pembelajaran diperkenalkan agar pendidik dapat menarik minat pelajar dan mentransformasikan pengajaran secara tradisional kepada pengajaran berteraskan teknologi (Shafie, 2020). Menurut Basilaia dan Kvavadze (2020), e-pembelajaran dapat didefinisikan sebagai pemindahan pengetahuan melalui video, audio, gambar, dan juga komunikasi teks. Definisi e-pembelajaran kerap dikaitkan dengan definisi lain seperti *online learning*, *blended learning*, *distributed learning* dan *mobile learning* (Yusup Hashim, 2012). Oleh itu, penggunaan peralatan mudah alih seperti telefon bimbit, komputer riba dan tablet menjadikan aktiviti e-pembelajaran dapat dijalankan tanpa mengira tempat dan masa (Msomi & Bansilal, 2018).

Terdapat pelbagai kaedah yang dapat diimplementasikan oleh Guru Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Gabungan beberapa kaedah dalam menyampaikan Pendidikan Islam dapat membantu memperkemaskan lagi proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam agar setiap murid mendapat didikan yang sempurna daripada guru sekaligus membentuk sahsiah yang terpuji. Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan medium e-pembelajaran merupakan suatu inovasi di era teknologi sekarang yang perlu dimanfaatkan agar ia diterima oleh semua individu termasuk pelajar. Oleh itu, tidak dapat dinafikan guru perlu mahir dalam menggunakan teknologi terutama dari aspek berhubung dengan pelajar serta memperlengkapkan diri memahami isu semasa dalam mengikuti era teknologi dan sains kerana ia amat penting semasa pelaksanaan e-pembelajaran (Ahmad Firdaus & Khairunnisa, 2019; Ainun *et al.*, 2017).

Sejak permulaan e-pembelajaran diperkenalkan pada tahun 2000-an, guru Pendidikan Islam tidak terkecuali dalam mengambil langkah memaksimumkan penggunaan teknologi dalam e-pembelajaran. Sebagai contoh, pembinaan beberapa laman web untuk program Pendidikan Islam, pembangunan aplikasi pembelajaran untuk topik-topik Pendidikan Islam, dan pembangunan pembelajaran berbantuan komputer telah diwujudkan bagi membantu proses e-pembelajaran subjek ini (Norliza Hussin *et al.*, 2013). Penggunaan teknologi media seperti penggunaan televisyen yang memaparkan program pendidikan, rancangan permainan, drama, ceramah, kartun, laman web, ICT seperti persembahan multimedia dan video, juga telah digunakan sebagai medium e-pembelajaran untuk murid (Aziz Rehman *et al.*, 2012).

Selain itu, laman sesawang e-murabbi KPM diwujudkan bagi membantu guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan e-pembelajaran Pendidikan Islam. Ia merupakan saluran digital bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara siaran langsung yang diilhamkan oleh ahli *cikgo0TUBE* dalam kalangan guru Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Laman ini bertujuan berkongsi bahan pengajaran Pendidikan Islam, tips, tazkirah dan info terkini berkaitan bahan e-pembelajaran Pendidikan Islam.

Manakala usaha di pihak KPM dengan mewujudkan Komuniti Guru Digital Learning yang berdasarkan 5 modul turut disediakan dan disusun untuk membantu guru dari tahap perancangan sehingga ke tahap bersedia berkongsi bahan pengajaran dengan murid melalui pendekatan dalam talian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Melalui pelantar ini, guru-guru dibantu dalam menyediakan rancangan mengajar harian dan juga bimbingan dalam menyediakan bahan mengajar.

Sektor Pembangunan Program Adab dan Nilai Bahagian Pendidikan Islam juga tidak terkecuali berusaha membangunkan sahsiah murid melalui beberapa program dan pertandingan secara dalam talian yang melibatkan penyertaan murid di peringkat sekolah rendah dan menengah. Antara pertandingan yang dianjurkan bagi meningkatkan sahsiah murid adalah seperti pertandingan bercerita

dai'e cilik, hafazan, nasyid solo dan taranum. Pertandingan atas talian ini bertujuan membentuk karakter serta tahap keyakinan murid. Segala program yang dirancang melalui media e-pembelajaran ini bertepatan dengan visi dan misi ke arah menghasilkan modal insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia (Bahagian Pendidikan Islam, 2021).

Usaha daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri pula dapat dilihat dengan wujudnya laman E-pembelajaran Sektor Pendidikan Islam di *facebook* yang banyak mengetengahkan bahan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (Pdpr) kepada guru-guru Pendidikan Islam (Jabatan Pelajaran Negeri, 2021). Guru-guru boleh mengambil bahan bantu mengajar yang telah disediakan oleh guru Pendidikan Islam daripada sekolah lain yang bersesuaian dengan tajuk silibus yang hendak diajar.

Seiring dengan perkembangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam melalui medium e-pembelajaran, beberapa kajian dijalankan berkenaan pelaksanaannya. Menurut Nur Asiah (2016), konsep e-pembelajaran lebih memudahkan proses pembelajaran. Namun terdapat beberapa masalah berkaitan penggunaan pendekatan ini, seperti kemampuan guru yang kurang profesional, kemudahan komputer yang tidak mencukupi; budaya belajar kendiri yang rendah; peruntukan waktu yang terhad; dan juga beberapa mata pelajaran yang tidak dapat diterapkan melalui penggunaan aplikasi e-pembelajaran. Menurut Ramdani *et al.* (2018), pembelajaran Pendidikan Islam melalui e-pembelajaran lebih berkesan dalam aspek pemindahan pengetahuan kepada murid sahaja sedangkan dari segi sikap dan keterampilan tiada perkaitan. Tambahan pula murid belum dapat menyesuaikan diri sepenuhnya dengan pelaksanaan kelas dalam talian kerana suasana yang berbeza daripada kelas biasa dan perkara ini bukanlah mudah bagi murid kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan perubahan gaya pembelajaran yang selama ini berlaku di dalam kelas (Zawiah Bahrom, 2020).

Melalui pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam, guru hanya bertindak memindahkan pengetahuan dan agak terbatas dalam melihat sejauh mana pembentukan sahsiah atau tingkah laku berlaku sedangkan pembelajaran agama Islam yang cenderung kepada pembentukan akhlak memerlukan bimbingan intensif secara lisan seperti nasihat dan motivasi (Zazin & Zaim, 2019). Beberapa kajian menunjukkan interaksi guru bersama murid masih di tahap yang sederhana dan murid kurang memberi maklum balas ketika pengajaran dalam talian dijalankan (Muhammad Izat *et al.*, 2020; Fadzliyah Hashim *et al.*, 2020). Selain itu, guru menghadapi kesukaran untuk melihat dan mengawal tingkah laku murid dan begitu juga sukar untuk guru memperlihatkan tingkah laku atau respon secara fizikal untuk dijadikan contoh teladan dalam mendidik murid agar memiliki sahsiah yang baik (Norbaiti *et al.*, 2020; Ramdani *et al.*, 2018; Shafiezul Shahimi & Fariza Khalid, 2015). Menurut Talib Samat (2004), sekiranya pelaksanaan e-pembelajaran mengurangkan interaksi antara murid dan guru, ia harus dinilai semula kerana Pendidikan Islam memerlukan proses dan sentuhan guru dalam menjaga adab bersesuaian dengan kehendak syariat apabila memberikan pendidikan terhadap murid. Sekiranya isu seperti ini masih tidak dapat diselesaikan walaupun pelaksanaan e-pembelajaran telah lama dibincangkan, ia perlu dikaji semula agar matlamat e-pembelajaran dapat dicapai kerana keberkesanannya dipengaruhi oleh interaksi yang maksimum antara guru dan murid (Hartanto, 2016).

Pendidikan Islam seperti subjek-subjek lain juga tidak menolak kemajuan teknologi dalam pendidikan seperti filem, komputer, televisyen dan seumpamanya sebagai media untuk pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru sentiasa disarankan agar menaik taraf kemudahan dan kompetensi dalam menghadapi pendidikan di era baru ini, antaranya berkaitan dengan kemampuan dan kreativiti dalam memanfaatkan media pembelajaran (Zazin & Zaim, 2019). Hal ini kerana kreativiti guru dan keperibadian guru pendidikan Islam memainkan peranan besar dalam meningkatkan kecemerlangan prestasi akademik pelajar dan juga pembentukan sahsiah pelajar (Abdul Jamir, Ab. Halim, & A'dawiyah, 2012).

Menjadi seorang guru yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara yang mudah. Semuanya bergantung kepada gaya pengajaran yang dilaksanakan oleh seseorang guru (Sofiah,

Kamarul Azmi & Muhammad Azhar Zailani, 2016) terutama melalui medium e-pembelajaran kerana ia dilihat lebih mencabar dari segi pelaksanaannya. Oleh itu, pengetahuan guru mengenai teknologi perlu digilap dari semasa ke semasa kerana teknologi berpotensi besar untuk mengubah cara-cara belajar dan mengajar (Siti Fatimah & Ab Halim Tamuri, 2010). Perkembangan teknologi memerlukan guru-guru pendidikan Islam melaksanakan perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ab. Halim, & Siti Muhibah, 2015). Peranan guru bukan hanya sekadar *muallim* iaitu memindahkan atau menyampaikan pengetahuan untuk menghabiskan silibus sahaja bahkan peranan guru sebagai *muaddib* iaitu mendidik anak murid amat penting terutama apabila medium pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dijalankan agar dapat melahirkan insan yang cemerlang duniaawi dan ukhrawi.

Pendekatan al-Ghazali dalam Pelaksanaan e-Pembelajaran Pendidikan Islam

Al-Ghazali adalah seorang tokoh besar dalam khazanah keilmuan Islam. Nama lengkap al-Ghazali adalah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ta'us Al-Thusi Al-Syafi'i dan secara ringkas disebut Al-Ghazali atau Abu Hamid. Beliau dilahirkan pada tahun 445 Hijrah bersamaan 1058 Masihi di Ghazalah iaitu sebuah desa di pinggiran Thus berhampiran Khurasan, Iran. Sejak kecil lagi, al Ghazali merupakan seorang anak yang berbakat dan mempunyai kecerdasan yang tinggi serta minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan. Sejarah pendidikan yang dilaluinya sangat panjang. Pada tahun 481 Hijrah bersamaan 1091 Masihi, al Ghazali memulakan babak baru dalam sejarah hidupnya sebagai seorang pengajar. Sedangkan pada ketika itu, umurnya masih sangat muda. Beliau diberi tanggungjawab menjadi pengajar di Jami'ah Baghdad. Selepas itu, beliau diberi tanggungjawab memangku jawatan sebagai rektor Universiti Nizam al-Muluk Baghdad. Beliau merupakan seorang tokoh yang yang berjaya dalam mengendalikan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya.

Perjalanan hidup al-Ghazali dalam menuntut ilmu dan mencari jati diri sangat panjang dan berliku-liku. Perjalanan panjang tersebut akhirnya menjadikannya seorang tokoh besar yang bukan sahaja dikagumi di negara timur bahkan juga di negara barat. Ajaran al-Ghazali menekankan usahanya pada ajaran akhlak dan tasawwuf kerana dari segi inilah terletaknya pokok pangkal segala kebaikan, ketertiban dan kebahagiaan dalam masyarakat. Al-Ghazali wafat di usia lebih kurang 55 tahun pada tanggal 14 Jamadilakhir tahun 505 Hijrah bersamaan 19 Disember tahun 1111 Masihi (Edi Kurnanto, 2011).

Kini, fenomena terhadap gelombang teknologi maklumat terutamanya kuasa digital dan pengkomputeran telah mencabar sistem pendidikan termasuk teori pembelajaran untuk turut diadaptasi seiring dengan perubahan yang berlaku (Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid, 2015). Menurut al-Ghazali, proses pendidikan berlaku sejak dari proses kejadian manusia. Pendidikan bertujuan bagi membentuk seseorang menjadi manusia yang berakhlak bertepatan dengan definisi pendidikan akhlak yang diberikan oleh al-Ghazali iaitu usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan dalam mendorong manusia agar berakhlak baik (Al-Ghazali, t.t). Al-Ghazali menjelaskan faktor-faktor yang harus ada dalam proses pendidikan adalah pendidik, anak didik, metode, bahan mengajar dan tujuan yang perlu seiring dengan kehendak Allah SWT. Beliau amat menekankan tujuan pendidikan agar dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan beliau tidak membenarkan tujuan kepada matlamat duniaawi semata (Al-Ghazali, 2012). Al-Ghazali telah menggariskan tujuan pendidikan berdasarkan pandangannya tentang hidup dan nilai-nilai hidup dengan kata lain, sesuai dengan falsafah hidupnya. Menurut Hermawan (2014), konsep pembelajaran Imam al-Ghazali lebih menekankan tentang akhlak dan moral, justeru seseorang guru itu perlu berperanan atau memiliki akhlak yang baik dalam mengajar anak murid. Dalam konteks ini, Ghazali (2008) menyatakan bahawa, terdapat beberapa aspek yang menjadi perhatian al-Ghazali iaitu:

- 1- Pendidikan merupakan perkara yang paling penting untuk mencorakkan sahsiah anak-anak dan ibu bapa juga berperanan dalam proses pendidikan anak-anak selain guru.
- 2- Pendidikan kanak-kanak bermula dengan memperbaiki akhlak dan ilmu kesihatan di samping pengajian al-Qur'an, Hadith dan Sejarah.

- 3- Dari segi pendidikan amali, al-Ghazali menitik beratkan konsep suruhan dan tegahan ke atas perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT serta menjelaskan alasan tentang perlakuan tersebut.
- 4- Guru perlu mengelakkan sifat *riya'*, takabbur, mengharapkan puji-pujian dan sanjungan serta bersifat zuhud dengan harta dunia.
- 5- Menekankan adab dalam pergaulan dan perhubungan seperti adab pendidik serta anak didik dengan mengelakkan sifat-sifat keji bagi membentuk sifat-sifat terpuji.
- 6- Sentiasa bersikap sabar dan optimis dengan sebarang masalah atau cabaran yang melanda ketika melaksanakan pengajaran.
- 7- Sentiasa mengutamakan kesihatan badan kerana akal yang cerdas lahir dari badan yang sihat.
- 8- Ilmu dibahagikan kepada empat bahagian iaitu *Usul* (a-Quran dan al-Hadis), *Furu'* (Feqah), *Asas* (Bahasa), dan *Taakhir* (Qiraat dan Tafsir).

Selain itu, al-Ghazali meletakkan pendidik sebagai faktor utama keberhasilan atau kemenjadian anak murid dalam menuntut ilmu dan beliau membuat perumpamaan anak didik seperti tanah gembur yang menerima hujan deras lalu tanah itu menyerap seluruh air hujan tersebut (Al-Ghazali, 2009). *Bidayat al-Hidayah* merupakan salah satu karya al-Ghazali yang menekankan pada perbincangan etika dan adab dalam kehidupan seharian. Etika dalam pendidikan dibahaskan dalam bahagian ketiga yang mencakupi etika pendidik dengan anak didik (Al-Ghazali, 1995). Pendidik harus memiliki tiga kriteria iaitu memiliki pengetahuan yang lebih, memiliki kewibawaan dan yang terakhir ialah memiliki kasih sayang terhadap muridnya (Mukromin, 2019). Dalam teori Pendidikan Islam, al-Ghazali mengutamakan pelajaran adab dalam pergaulan dan beliau memfokuskan kepada hubungan guru dengan murid (Hermawan, 2014). Al-Ghazali mengibaratkan guru sebagai seorang penjaga kepada anak muridnya (Mahadhir, 2019). Beliau melihat bahawa pekerjaan sebagai seorang guru merupakan pekerjaan yang paling mulia kerana tugas seorang guru adalah menyampaikan dan menjelaskan kebenaran kepada manusia dan mengajak manusia ke jalan Allah SWT (Nurohman, 2020).

Antara adab yang ditekankan oleh al-Ghazali (t.t) adalah adab pendidik terhadap anak murid iaitu:

- 1- Belas kasih kepada murid dan memperlakukannya sebagai anak seperti ibu bapa menyayangi anaknya sendiri. Dalam situasi ini, al-Ghazali menyatakan bahawa pendidik yang mengajarkan ilmu-ilmu akhirat atau ilmu-ilmu dunia kepada anak muridnya dengan matlamat menuju akhirat, maka akan diberikan kedudukan yang lebih tinggi di sisi Allah SWT.
- 2- Mengikuti teladan Rasulullah s.a.w, iaitu tidak meminta upah. Guru tidak boleh mengharapkan upah semata-mata dalam proses mendidik kerana tugas mendidik merupakan tugas mulia yang diwariskan oleh Nabi Muhammad s.a.w.
- 3- Sentiasa menasihati anak didik agar mendalami sesuatu ilmu dengan baik terlebih dahulu sebelum mempelajari ilmu yang lain. Guru perlu sentiasa menasihati anak murid agar tidak melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT dengan pendekatan kasih sayang bukan dengan pendekatan cacian atau kejian.
- 4- Menasihati murid dan mencegahnya daripada akhlak tercela, tidak secara terang-terangan atau menyindir. Seorang pendidik tidak boleh mencela anak murid di hadapan anak murid yang lain untuk menjaga keaiban anak murid tersebut dan tidak menjatuhkan maruah seseorang.
- 5- Guru hendaklah tidak fanatik terhadap bidang ilmu yang diajar sahaja dan menghina bidang ilmu yang lain. Seorang pendidik tidak boleh mencela di hadapan seorang murid tentang ilmu-ilmu lain seperti seseorang yang mengajar ilmu Hadis tidak mencela ilmu Fiqh dan sebagainya.
- 6- Pendidik perlu memerhatikan perkembangan pemikiran murid agar dapat menyampaikan ilmu sesuai dengan kemampuan fikirannya. Seorang pendidik perlu memerhatikan kadar kemampuan akal anak murid agar ilmu yang disampaikan mudah difahami dan diikuti.
- 7- Pendidik hendaklah mengamalkan ilmunya iaitu perbuatannya tidak bertentangan dengan ilmu yang diajarkan kepada murid. Setiap perkara yang diajarkan kepada anak murid perlu diamalkan oleh guru begitu juga setiap ucapan yang dituturkan perlu dipraktikkan oleh guru.

Akibat situasi pandemik covid 19 yang melanda sekarang, teori Pendidikan Islam menurut al-Ghazali masih relevan dan dapat diaplikasikan. Meskipun sebenarnya pendidikan dapat dilakukan di mana sahaja dan oleh sesiapa sahaja, termasuk ibu bapa, namun, institusi sekolah telah dianggap selama ini sebagai tempat ideal membina sahsiah murid (Izhar, 2019). Oleh itu, apabila sekolah secara fizikalnya ditutup, tidak bermakna tanggungjawab membina sahsiah murid dilepaskan kepada ibu bapa. Guru-guru perlu berusaha memainkan peranan terutama dari aspek komunikasi mereka dengan murid, kemahiran menggunakan teknologi untuk berinteraksi dengan murid dan komitmen untuk sentiasa mengambil berat mengenai aspek yang berkaitan dengan perkembangan sahsiah murid di rumah. Hal ini kerana Al-Ghazali berpendapat elemen adab dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting. Apabila seseorang anak itu telah dibiasakan dengan mengamalkan segala perkara yang baik, maka ia akan membesar dengan baik hasil daripada persekitaran yang positif. Ibu bapa dan juga pendidik akan mendapat pahala hasil daripada didikan yang diberikan.

Peranan Guru Sebagai *Muaddib* Menurut al-Ghazali

Al-Ghazali menyatakan bahawa guru yang diamanahkan untuk mengajar perlu memiliki akal yang cerdas dan sempurna serta memiliki akhlak yang baik. Dengan kesempurnaan akal, seorang guru dapat memiliki pelbagai ilmu dan pengetahuan secara mendalam. Kriteria guru yang profesional meliputi kemahiran pedagogi, kemahiran profesional, kemahiran personaliti dan juga kemahiran sosial. Kemahiran-kemahiran ini bertepatan dengan syarat guru yang dikemukakan oleh al-Ghazali iaitu seorang guru harus mempunyai akal yang cergas dan akhlak yang baik. Selain itu juga, kemahiran profesional guru juga sangat ditekankan apabila dalam mendidik anak murid (Nurohman, 2020). Kriteria-kriteria yang dinyatakan oleh al-Ghazali sangat relevan untuk diaplikasikan oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sama ada secara e-pembelajaran atau tidak.

Dalam konsep Pendidikan Islam, antara faktor-faktor pendidikan yang disarankan oleh beliau adalah matlamat yang ingin dicapai oleh seorang guru dalam mendidik anak murid adalah mendekatkan diri kepada Allah, menjadi tauladan kepada murid-muridnya serta mempunyai kemahiran mengajar (Putra, 2017). Al-Ghazali telah menulis mengenai kepentingan akal dan agama yang menjelaskan bahawa sebaik-baik perkara apabila melakukan sesuatu adalah didasari dengan ilmu kerana menurutnya petunjuk itu datang daripada ilmu terlebih dahulu (Al-Ghazali, 1987).

Beliau mengingatkan agar para guru mempersiapkan diri dari aspek ilmu pengetahuan, kompetensi, keupayaan, kemahiran, perubahan sikap dan kesiapsiagaan dalam pendidikan terutama pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana tanggungjawab guru pada era ini tidak hanya membimbing pelajar menggunakan teknologi bahkan harus memiliki nilai-nilai yang mampu membentuk watak dan tingkah laku pelajarnya kerana medium teknologi dan komunikasi maklumat turut memberi kesan kepada sahsiah pelajar (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini, 2017). Ab Halim Tamuri (2021) menegaskan guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan keupayaan dan pengetahuan mengenai media dan teknologi serta ‘*digital broadcasting*’ agar pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam mencapai matlamatnya iaitu dapat membentuk insan bertakwa kepada Allah. Kemahiran dalam mengaplikasikan peralatan teknologi maklumat amat penting kerana guru dapat mengoptimumkan interaksi dua hala antara guru dan murid. Selain itu, guru juga perlu mempunyai pengetahuan kandungan pedagogi abad ke-21 kerana guru memainkan peranan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengubah tingkah laku murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Di samping aspek kemahiran, Al-Ghazali (t.t) menjelaskan bahawa aspek komunikasi juga amat dititikberatkan dalam proses menyampaikan dakwah atau pesanan-pesanan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dengan tujuan agar orang lain dapat beramal dan melakukan kebaikan sebagaimana pesanan yang diberikan. Menurut Nisa (2019), dalam komunikasi dakwah al-Ghazali menekankan agar sebelum seseorang mengubah orang lain menjadi baik, maka dia harus merubah

dirinya untuk menjadi baik. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, al-Ghazali memfokuskan kepada komunikasi guru dengan murid kerana dalam konteks pendidikan guru perlu mengamalkan adab dalam interaksi dengan murid supaya murid dapat mencontohi sikap guru dan mengambil manfaat daripada ucapan atau kata-kata gurunya (Al-Ghazali, 1995). Dalam interaksi tersebut, guru memainkan peranan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana tanpa guru proses pendidikan hampir tidak mungkin dapat dijalankan (Hermawan, 2014). Al-Ghazali juga menekankan fungsi guru selain mengajar murid adalah sebagai contoh tauladan, motivator, pembimbing dan mengajar dengan penuh kasih sayang.

Dalam artikel ini, elemen yang terdapat dalam adab pendidik terhadap murid akan dibincangkan dengan lebih terperinci bagi menjelaskan peranan guru sebagai seorang *muaddib* kerana melalui elemen ini akan dapat membantu pengkaji melihat aspek komunikasi guru bersama murid seperti layanan guru terhadap murid, maklum balas guru terhadap setiap pertanyaan murid, dan juga cara guru menasihati murid sekiranya murid melakukan kesilapan melalui e-pembelajaran. Selain itu, bagaimana usaha guru dalam membantu murid memahami dan mengamalkan apa yang dipelajari dalam Pendidikan Islam dilihat sebagaimana ibu bapa mengambil berat berkenaan perihal anak-anak mereka. Segala bentuk nasihat atau teguran perlu diberikan dengan cara yang lemah lembut dan baik bagi tujuan mendidik anak murid. Apabila seorang guru mencintai anak muridnya seolah-olah anaknya sendiri, maka segala arahan dan nasihat yang diberikan bertujuan untuk memperbaiki pergaulan dengan anak muridnya dan mendorong mereka agar selalu mencintai pelajaran, guru dan sekolah tanpa berlaku kasar terhadap mereka (Mahadhir, 2019).

Selain itu, guru Pendidikan Islam juga boleh bertindak sebagai pembimbing dan kaunselor kepada murid dalam membantu murid menangani masalah yang mereka hadapi (Razaleigh, 2014). Guru juga perlu bijak berkomunikasi dan berinteraksi dengan murid kerana selain menyampaikan pengetahuan, guru bertindak sebagai sumber inspirasi dan juga pencetus motivasi kepada murid (Arianti, 2019). Sebagai contoh, apabila murid dapat menyiapkan tugas yang diberikan melalui medium e-pembelajaran, guru harus memberi kata-kata pujian kerana al-Ghazali memandang penghargaan dan pujian kepada anak murid perlu diberikan atas perilaku mereka yang baik (Rahmawati, 2019). Menurut Ramli (2019), guru perlu sentiasa memberikan dorongan atau kata-kata motivasi kepada murid sama ada di dalam atau di luar bilik darjah agar murid mampu menguruskan emosi mereka untuk menerima proses pembelajaran dengan baik. Apabila berhadapan dengan medium e-pembelajaran, murid sudah pasti mengalami pelbagai masalah di rumah seperti masalah ketidakcukupan fasiliti seperti gajet, masalah pengurusan kendiri, dan juga masalah jaringan internet. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberi sokongan moral kepada murid dengan memberikan kata-kata semangat agar murid terus berminat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi yang tidak berkesan menyebabkan proses e-pembelajaran juga tidak dapat mencapai matlamat kerana keberkesanannya e-pembelajaran memerlukan interaksi yang maksimum di antara guru dan murid (Hartanto, 2016).

Dari aspek komitmen guru pula, walaupun al-Ghazali menyatakan bahawa ibu bapa berperanan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak namun, guru-guru juga tidak boleh melepaskan tanggungjawab mendidik kepada ibu bapa kerana al-Ghazali amat menekankan adab pendidik terhadap anak murid iaitu belas kasih kepada murid dan memperlakukannya sebagai anak seperti ibu bapa menyayangi anaknya sendiri. Proses pembinaan sahsiah murid menurut al-Ghazali dalam adab guru terhadap murid memerlukan komitmen yang besar daripada seorang guru kerana guru perlu memberikan bimbingan secara berterusan dan tidak jemu dalam menasihati murid (Al-Ghazali, 1995). Membina sahsiah murid juga perlu didasarkan pada *mujahadah* (ketekunan) dan latihan kejiwaan iaitu sentiasa melakukan kebaikan (Wahid, A. H., Muali, C., & Sholehah, 2018). Seorang guru itu perlu menunjukkan kesungguhan dalam mendidik anak muridnya untuk mencapai kebahagiaan bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat kerana sahsiah anak murid amat bergantung kepada ibu bapa dan guru yang mendidiknya (Mukromin, 2019).

Al-Ghazali juga menasihatkan guru agar berusaha menjauhkan anak murid daripada rakan-rakan yang negatif sebagai jalan untuk membina sahsiahnya. Selain itu, guru perlu sentiasa peka dengan kemudahan teknologi yang ada sekarang yang terlalu memberikan kemudahan kepada murid-murid untuk saling berhubung antara satu sama lain dan sekiranya ia tidak dikawal dengan baik oleh guru dikhuatiri akan merosakkan budi pekertinya (Rahmawati, 2019). Sebagai contoh pendedahan kepada aplikasi mobil atau gajet yang berlebihan menjadikan anak-anak terlalu dimanjakan dengan gajet sehingga memberi kesan kepada aspek tingkah laku sekiranya pendidikan yang diberikan juga tidak semaksimum mungkin (Syahfitri *et al.*, 2020). Di sini, guru perlu sentiasa peka dan mengambil berat serta menegur murid dengan cara yang baik agar murid tidak leka dengan aplikasi-aplikasi gajet terbaru sehingga mengabaikan pembelajaran.

Justeru, bagi mendepani cabaran dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam, guru memainkan peranan yang besar. Kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah dituntut agar murid yang dilahirkan menjadi modal insan yang cemerlang. Bersesuaian dengan pandangan al-Ghazali mengenai peranan guru sebagai pendidik atau *muaddib* yang perlu menganggap anak murid sebagai anaknya sendiri. Hal ini kerana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah juga memerlukan komitmen ibu bapa selain guru dalam membantu mencapai matlamat pendidikan. Sikap mengambil berat guru terhadap murid perlu diteruskan walaupun melalui medium e-pembelajaran dan tidak bersemuka kerana apabila hubungan yang baik antara guru dan murid dapat dibentuk, ini memudahkan peranan guru dalam mendidik anak murid.

Kesimpulan

Seorang guru dalam tugasnya ditentukan oleh banyak faktor antaranya adalah guru itu sendiri, tujuan pendidikan yang ingin dicapai, persekitaran, mata pelajaran yang diajar dan juga metodenya. Semua faktor ini perlu seiring kerana ia saling mempengaruhi dan saling kebergantungan. Berdasarkan aspek yang disebutkan ini, bagi memastikan keberkesanannya dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam, peranan guru Pendidikan Islam sebagai *muaddib* amatlah besar dalam membina sahsiah murid. Kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah dituntut agar murid yang dilahirkan menjadi modal insan yang cemerlang dunia dan akhirat. Guru Pendidikan Islam perlu memantapkan komunikasi dan interaksi yang baik bersama murid semasa pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam selain meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai media dan teknologi agar pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam mencapai objektifnya. Selain itu, menurut al-Ghazali ibu bapa juga perlu memainkan peranan mereka bagi memastikan murid dapat mengakses e-pembelajaran dengan baik dan berkualiti lebih-lebih lagi murid di peringkat rendah.

References

- Abu Hamid al-Ghazali. (1995). *Bidayatul Hidayah*. Terj. Abu Ali al-Banjari AnNadwi. Kedah: Pustaka al-Banjari. Hlm. 156.
- Abu Hamid al-Ghazali. (2009). *Ihya' Ulumuddin*. Juz 1. Terj. Mohd Zuhri. Semarang: Asy-Syifa. Hlm. 155.
- Abu Hamid al-Ghazali. (t.t). *Ihya' Ulumuddin*. Jilid 1V. Beirut: Dar al-Fikr. Hlm. 55-58.
- Al-Ghazali. Terjemahan Minhajul Abidin. (2012). Terj. Abdul Hiyadh. Surabaya: Mutiara Ilmu. Hlm. 2.
- Ab. Halim TAmuri. (2021). Implementasi Kurikulum Pendidikan Islam Era Industri 4.0 & Masyarakat 5.0: Isu, Cabaran & Peluang. <https://www.facebook.com/107408364521545/videos/3253420588218346> Diakses pada 31 Mei 2021.

- Ab. Halim Tamuri, & Siti Muhibah Haji Nor. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 2(3).
- Ahmad Firdaus Mohd Noor & Khairunnisa A. Shukor. (2019). Kurikulum Pendidikan Islam Para Sahabat: Satu Sorotan. *Al-Munzir*. 12(2), 209-224.
- Abdul Jamir, M. S., Ab. Halim Tamuri, & A'dawiyah, I. (2012). Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam. *Jurnal IPG Kampus Pendidikan Islam*. 1-22.
- Arianti, a. (2019). Peranan Guru dalam Meningkatkan Motivasi Belajar Siswa. *Didaktika: Jurnal Kependidikan*. 2(2), 181.
- Assegaf. (2020). Pendidikan Islam di Era Disruptif Revolusi Industri 4.0. Pendidikan Islam di era disruptif revolusi industri 4.0 - YouTube. Diakses pada 5 April 2021.
- Athoillah Islamy & Nurul Istiani. (2020). Aktualisasi Nilai-nilai Profetik dalam Pendidikan Keluarga di Tengah pandemik Covid-19. *Jurnal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*. 11(2), 169-187.
- Aziz Rehman Saifee et al. (2012). The Role of Mass Media and Information Technology in Islamic Education. *European Journals of Social Sciences*. 32(3), 380-390.
- Bahagian Pendidikan Islam, (2021) Kementerian Pelajaran Malaysia. KPM - Bahagian Pendidikan Islam (moe.gov.my) Diakses pada 13 April 2021.
- Basilala & Kvavadze. (2020). Transition to Online Education in Schools During a SARS-CoV-2 Coronavirous (Covid-19) pandemic in Georgia. *Pedagogical Research*. 5(4). <https://doi.org/10.2933/pr/7937>.
- Berita Harian Online. (16 Mei 2020). Covid 19: Pendidikan Menerusi Dunia Maya Cabaran Baharu Buat Guru. <http://www.bharian.com.my>.
- Elyas, A. H. (2018). Penggunaan model pembelajaran e-learning dalam meningkatkan kualitas pembelajaran. *Jurnal Warta*.
- Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli, Fatahiyah Elias, et.al. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3, (4) 151-162.
- Ghazali Darussalam. 2006. Teori dan Model Pengajaran Pendidikan Islam. Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Hermawan, A. (2014). Konsep Belajar dan Pembelajaran Menurut Al-ghazali. *Jurnal Qathruna*. 1(1), 84-98.
- Hilda Afrilia & Indriya. (2020). Internalisasi Pendidikan Karakter Islami Anak Ditengah Pandemik Covid-19. *Al-Fikr; Jurnal Pendidikan Islam*. 6, (2) 46-52.
- Izhar. (2019). Peranan Guru dan dalam Pembelajaran Berkarakter di Era Revolusi Industri 4.0. *Prosiding Seminar Nasional Pascasarjana UNNES*.
- Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan. (2021). <https://www.facebook.com/onlinestudyatPKPP> diakses pada 10 Mac 2021.
- Jaafar, N., & Nurzuliana Rashed, Z. (2015). Model Kualiti Guru Pendidikan Islam sebagai Murabbi Menurut Sarjana Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 101–108.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). <https://www.facebook.com/E-murabbikpm-103143828302010> diakses pada 05 April 2021.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/dlime/delima-kpm/aplikasi-delima-kpm> diakses pada 10 Jun 2021.
- Lukman Hakimi. 2014. Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam dalam Pembentukan Sahsiah Muslim: Kajian Terhadap Pelajar Politeknik Pantai Timur. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Mahadhir, M. S. (2019). Pendidikan Islam Menurut al-Ghazali. *Raudhah Proud To Be Professionals : Jurnal Tarbiyah Islamiyah*. 4(1), 73-85.
- Mailis, M. I., Zaini, Z. H., & Hassan, N. H. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian. *Jurnal Kesidang*.
- Mohamed Noh, N., Ahmad Mustafa, H. M., Hamzah, M., Ismail, M. A., & Abdullah, N. (2013). Penggunaan Inovasi Teknologi Dalam Pengajaran: Cabaran Guru Dalam E-Pembelajaran. *Proceedings Of the 7th International Malaysian Educational Technology Convention (IMETC 2013), Technology Enhanced Global Classroom Environment*, 1–12.

- Muhammad al-Ghazali. *Islam Wa Al-Awla al-Iqtisadiyyah*. (1987). Dar al-Rayyan: al-Qahirah. Cetakan kelapan. Hlm 194.
- Muhammad Edi Kurnanto. (2011). Pendidikan Dalam Pemikiran Al-Ghazali. *Jurnal Khatulistiwa-Journal Of Islamic Studies*.
- Mukromin, M. (2019). Pemikiran Imam al-Ghazali Dalam Pendidikan Islam. *Paramurobi: Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 2(1),33-42.
- Nasruddin. (2016). Implementasi Media Pembelajaran dalam Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Darul Ilmi*. 04(01) 22-29.
- Nawi, M. A. M., Jamsari, E. A., Hamzah, M. I., Sulaiman, A., & Umar, A. (2012). The impact of globalization on current islamic education. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*.
- Nisa', K. (2016). Al-Ghazali: Ihya' Ulum Al-Din dan Pembacanya. *Jurnal Ummul Qura*.VIII(2), 1-15.
- Nisa, P. K. (2019). Komunikasi Dakwah Imam al-Ghazali Dalam Kitab Uhya 'ulumiddin. *Al Amin: Jurnal Kajian Ilmu Dan Budaya Islam*.1(2), 188-210.
- Nor Amin Sayani Zainal & Mohd Ismail Mustari. (2012). Penerapan Metod Dakwah di dalam Melaksanakan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di dalam dan Luar Bilik Darjah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam* (SEAPPI2012). 51-69.
- Norbaiti Tukiman, Ahmad Khudzairi Khalid, Munirah Onn, Ng Set Foong, Muhammad Afief Mohd Amran. (2020). Online Learning Challenges and Students' Preference on Mode of Learning during COVID-19. Pandemic. *International Journal of Advance Research in Education and Society*. 2(3). 72-79.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, & Roseamnah Abd Rauf. (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 58–73.
- Nurohman. (2020). Konsep Pendidikan al-Ghazali dan Relevansinya Dalam Sistem Pendidikan di Indonesia. *As-Salam: Jurnal Studi Hukum Islam & Pendidikan*. IX(1), 41-60.
- Nurdin, A. (2016). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Di Era Information and Communication Technology. *TADRIS: Jurnal Pendidikan Islam*, 11(1), 49. <https://doi.org/10.19105/tjpi.v11i1.971>.
- Nur Asiah. (2016). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Melalui e-Learning di SMA Budaya Bandar Lampung. *Jurnal Mudarrisuna*. 6(1), 77-101 e-ISSN 2460-0733.
- Putra, A. A. (2017). Konsep Pendidikan Agama Islam Perspektif Imam Al-Ghazali. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Al-Thariqah*. 1(1), 41-54.
- Rahmawati, M. (2019). Mendidik Anak Usia Dini Dengan Berlandaskan Pemikiran Tokoh Islam al-Ghazali. *Al Fitrah: Journal Of Early Childhood Islamic Education*. 2(2), 274-286.
- Ramdani, R., Rahmat, M., & Fakhruddin, A. (2018). Media Pembelajaran E-Learning Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Journal of Islamic Education*, 5(1), 45-59.
- Ramli, R. (2019). Peranan Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Pembinaan Kecerdasan Emosional. *Jurnal Al-Ibrah*.
- Razaleigh Muhamat Kawangit. (2014). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Sekolah. *Researchgate*.
- Shafiezul Shahaimi & Fariza Khalid. (2015). Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (VLE-FROG) di Sekolah-Sekolah di Malaysia: Pelaksanaan dan Cabaran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5*. 28-38.
- Shafie, B. H. M. (2020). *Pelaksanaan PdPc Dalam Talian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 Dan 2 Corid-19 (Implementation of PdPc OLL during COVID-19 Movement Control Order Phase 1 and 2)*. 2(2), 213–221.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran j-Qaf. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64.
- Sofiah Mohamed, Jasmi K.A. & Muhammad Azhar. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86(2) Oktober 2016: 31-42.
- Suhid, A., Ahmad, A. M., Sabri, S. M., Azreen, &, Mohamad, E., Bahasa, J. P., Kemanusiaan, D., &

- Pendidikan, F. P. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training (InjET) International Journal of Education and Training*.
- Syafiqah Solehah Ahmad, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembinaan Sahsiah Pelajar: Satu Tinjauan Awal Terhadap Guru Pendidikan Islam di Daerah Marang, Terengganu. *Juornal of Islamic Educational Research (JIER)*. e-ISSN:0128-2069. Vol. 2.
- Syahfitri. et. al. (2020). Implementasi e-Learning Pada Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Masa Pandemik Covid-19. *Al-Ulum Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1), 44-54.
- Talib Samat. 2004. Berjihad Menerusi Tulisan. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- The, M. M., & Usagawa, T. (2018). Change in E-learning Readiness and Challenge for Myanmar Higher Education. *Creative Education*, 09(09), 1277–1286.
- Wahid, A. H., Muali, C., & Sholehah, B. (2018). Pendidikan Akhlak Perspektif Al-Ghazali. *At-Tajdid: Jurnal Ilmu Tarbiyah*.
- Wiwin Hartanto. (2016). Penggunaan e-Learning Sebagai Media Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Ekonomi: Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan. Ilmu Ekonomi dan Ilmu Sosial*: 10(1), 1-15.
- Zainudin, H., Mohd Zaki, M. S., & Nur Azza, A. A. (2015). Reformasi dan Sistem Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Nusantara Indonesia*.
- Zazin & Zaim. (2019) Media Pembelajaran Agama Islam Berbasis Media Sosial Pada Generasi-Z. *Proceeding Antasari International Conference*. 1(1) 534-563.
- Zetty Nurzuliana Rashed & Ab.Halim Tamuri. (2015). Kepentingan Integrasi Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *E-Jurnal Pendidikan*, 2(1), 5-14.